

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang Akademik 1995/96

Oktober/November 1995

HIU 201 Perluasan 'Aqidah Islamiyyah: Konsep dan
Penghayatan

Masa: [3 jam]

KERTAS PEPERIKSAAN INI MENGANDUNGI EMPAT [4] SOALAN DI DALAM
TIGA [3] HALAMAN.

Jawab TIGA [3] soalan.

Semua soalan membawa nilai markah yang sama.

Sila pelihara kertas soalan ini dengan baik kerana ia
mengandungi ayat-ayat suci al-Qur'an.

1. Firman Allah s.w.t.:

قالت الأعراب أمنا، قل لم تؤمنوا ولكن قولوا أسلمنا، ولما يدخل الإيمان في
قلوبكم ...

Yang bermaksud: Orang-orang Arab badawi itu berkata:
Kami telah beriman, katakanlah (kepada mereka) Kamu belum
beriman, tetapi katakanlah; kami telah menjadi Islam,
kerana iman itu belum masuk kedalam hati mu
(Surah al-Hujurat, ayat 14).

Daripada maksud ayat di atas, jelaskan perkara-perkara
berikut:

- [a] Perbezaan di antara iman dan Islam mengikut
pandangan ahli sunnah wa al-jamaah.
- [b] Perbahasan ulama' 'aqidah tentang pengertian iman
nisbah kepada Allah s.w.t. dan juga sesama manusia.
- [c] Implikasi terhadap perselisihan pendapat di antara
ahli sunnah wa al-jamaah dan muktazilah tentang
kedudukan 'amalan seseorang muslim.
- [d] Beriman kepada qada dan qadar kawniyyah.

.../2

2. Firman Allah s.w.t.:

لقد كفر الذين قالوا إن الله ثالث ثلاثة، وما من إله إلا إله واحد

Yang bermaksud: Sesungguhnya kafirlah orang-orang yang mengatakan: Bahawasanya Allah ialah satu dari yang tiga, pada hal sekali-kali tidak ada Tuhan yang berhak disembah melainkan Tuhan Yang Esa....
(Surah al-Maidah, ayat 73).

- [a] Konsep Tawhid uluhiyyah menurut pandangan ulama' salaf.
- [b] Salah satu sifat Allah s.w.t. menurut tanggapan ulama' kalam.
- [c] Pandangan muktazilah terhadap sifat yang berkenaan.
- [d] Beberapa panduan untuk mengkaji sifat-sifat serta nama-nama Allah s.w.t. menurut pandangan ulama' salaf.

3. Firman Allah s.w.t.:

ويسألونك عن ذى القرنين، قل سأتلو عليكم منه ذكرا - إنا مكننا له فى الأرض وأتيناه من كل شئ سببا - فأتبع سببا .

Yang bermaksud: Mereka akan bertanya kepada mu (Muhammad) tentang Zulkarnain, katakanlah, Aku akan bacakan kepada mu cerita tentangnya* Sesungguhnya Kami telah memungkinkan kepadanya di (muka) bumi dan Kami telah memberikan kepadanya sebab (untuk mencapai) segala sesuatu* Maka ikutilah sebab itu.
(Surah al-Kahf, ayat 83, 84 dan 85).

Berdasarkan ayat di atas, jelaskan perkara-perkara berikut:

- [a] Konsep tawakkal dalam Islam.
- [b] Salah satu sifat Allah s.w.t. menurut pendekatan ulama' salaf.
- [c] Kedudukan sebab musabab dari sudut 'aqidah Islam.
- [d] Perbezaan maksud di antara beberapa istilah tawakkal, tawakul, inabah dan hasb.

.../3

4. Firman Allah s.w.t.:

A. نحن أولياؤكم في الحياة الدنيا وفي الآخرة

B. ... والله الأسماء الحسنى فادعوه بها

Yang bermaksud:

A. Kamilah wali-wali kepada kamu di dunia dan juga di akhirat.

B. Dan bagi Allah itu nama-nama yang husna, maka berdo'alah kepadaNya dengan menyebut nama-nama yang husna.

Berdasarkan ayat-ayat di atas, jelaskan perkara-perkara berikut:

[a] Konsep wala' dalam Islam.

[b] Konsep tawassul dalam Islam.

[c] Perbezaan di antara tawassul dan tabarruk.

[d] Jenis-jenis tawassul yang dibenarkan dalam Islam.

-ooo000ooo-